1223/1
Pendidikan Islam
Kertas 1
Nov/Dis
2021
Peraturan
Pemarkahan

MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN

PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
SEKOLAH-SEKOLAH NEGERI SEMBILAN 2021

# PENDIDIKAN ISLAM

## Kertas 1

## PERATURAN PEMARKAHAN

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

AMARAN

Peraturan Pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta MPSMNS**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat di dalam Peraturan Pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan Pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa jua bentuk penulisan dan percetakan.

**Peraturan Pemarkahan ini mengandungi 10 halaman bercetak**

[Lihat halaman sebelah



Scanned with CamScanner

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>1</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Fiqh aulawiyat ialah mengutamakan perkara yang sepatutnya didahulukan / (1m) berdasarkan prinsip syarak./ (1m)</td><td>[2 isi x 1m=2m]</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>- Memastikan tindakan manusia terkawal dan sistematik.<br>- Membuahkan hasil kerja yang berkualiti dan efektif.<br>- Mengamalkan semua tuntutan Islam mengikut susunan yang tepat.<br><br>Catatan : Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima.</td><td>[2 isi x 2m=4m]</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>KBAT<br><br>Rubrik penskoran
<table>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat,jelas,relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
Cadangan isi :<br>- Lebih fokus kepada perkara yang lebih penting.<br>- Dapat melakukan tugasan yang lebih penting dari tugas-tugas penting yang lain.<br>- Hasil tugasan lebih berkualiti.<br><br>Contoh jawapan :<br>Membolehkan seseorang individu lebih fokus kepada perkara yang lebih penting. / (1m) Ini bertujuan agar tidak terpesong daripada sasaran matlamat yang sebenar. / (1m) Kesannya ia akan menghasilkan sesuatu tugasan yang lebih baik, tersusun dan berkualiti tinggi. / (1m) Kesimpulannya, kita hendaklah sentiasa bijak dalam mengambil tindakan agar berjaya hidup di dunia dan di akhirat. / (1m)</td><td>[4 isi x 1m =4m]<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Huraian lengkap = 1m<br>Kesimpulan/ olahan menarik = 1m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>Berdikari ialah berusaha sendiri (1m) dan tidak bergantung pada bantuan orang lain. (1m)</td><td>[2 isi x1m=2m]</td></tr>
</table>



Scanned with CamScanner

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | - Memperkasakan daya saing masyarakat untuk meningkatkan taraf kehidupan.<br>- Masyarakat dapat menambah hasil pendapatan yang diyakini halal.<br><br>**Catatan** : Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | [2 isi x2m=4m] |
| | (c) | | (see table below) | [2 isi x2m=4m]<br><br>Hukum = 1m<br>Cara bacaan = 1m |

| Kalimah | Hukum | Cara Bacaan |
|---|---|---|
| لَرَأَيْتَهُۥ خَٰشِعًا | Mad Silah Qasirah | Panjang 2 harakat |
| ٱللَّهِ ۚ وَتِلْكَ | Wakaf jaiz | - Harus wakaf atau wasal<br>- Boleh berhenti atau meneruskan bacaan |

| hukum | cara | M |
|---|---|---|
| √ | √ | 2m |
| √ | x | 1m |
| x | √ | 1m |
| x | x | 0m |

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| 2 | (a) | (i) | Maksud ar- Raqib ialah nama Allah SWT yang menunjukkan bahawa Allah SWT Maha Mengawasi (1m) semua perbuatan dan keadaan makhluk. (1m) | [2 isi x1m = 2m] |
| | | (ii) | - Allah SWT Maha Mengawasi manusia dalam aspek kepatuhan kepada perintah dan larangan-Nya.<br>- Allah SWT sentiasa mengawasi manusia dalam aspek hubungan sesama manusia. | [2 isi x2m = 4m] |
| | | (iii) | - Manusia berani melakukan kemungkaran kepada Allah SWT (1m) kerana tidak menghayati ajaran Islam yang sebenar.(1m)<br>- Iman terbatal ( 1m) kerana mengingkari perintah Allah SWT dan rasul.(1m)<br><br>**Catatan** : Mana-mana jawapan lain yang munasabah diterima. | [2 isi x2m = 4m]<br><br>1 isi = 1m<br>1 huraian = 1m |
| | (b) | (i) | - Mengetahui perkara yang dilakukan membawa diri kepada kufur.<br>- Mengingkari perkara asa dalam Islam seperti perkara yang berkaitan dengan rukun iman dan rukun Islam.<br>- Melakukan perkara yang jelas membawa diri kepada kufur.<br>- Melakukan sesuatu perkara dengan sengaja dan pilihan tanpa sebarang paksaan. | [2 isi x1m = 2m] |

[Lihat halaman sebelah



Scanned with CamScanner

| No. Soalan | Jawapan | Markah |
|---|---|---|
| (ii) | Kesan melakukan perkara yang membatalkan iman :<br>- Rosak segala amal ibadah yang dilakukan (1m) kerana terpesong akidah.(1m)<br>- Tidak diampunkan dosa oleh Allah SWT (1m) sekiranya tidak bertaubat dan kembali kepada Allah.(1m)<br>- Diharamkan memasuki syurga (1m) sebaliknya akan kekal di dalam neraka. (1m)<br>- Hilang hak terhadap harta pusaka (1m) yang ditinggalkan oleh keluarga muslim.(1m) | [2 isi x2m = 4m]<br><br>1 isi = 1m<br>1 huraian = 1m |
| (iii) | KBAT<br><br>**Rubrik penskoran:**<br><br>Menyatakan isi sahaja. — 1m<br>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas. — 2m<br>Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. — 3m<br>Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat,jelas,relevan dan menarik. — 4m<br><br>**Cadangan isi :**<br><br>- Iman yang lemah<br>- Terpengaruh dengan rakan sebaya yang sesat<br>- Pengaruh media sosial<br>- Jahil / kurang ilmu /kurang didikan agama<br>- Kurang penghayatan Islam<br><br>**Contoh Jawapan:**<br><br>Tahap keimanan dan keyakinan yang lemah terhadap keesaan Allah SWT.(1m) **Ini disebabkan** kerana sibuk dengan urusan dunia sehingga tiada masa untuk mendalami ilmu agama.(1m) **Kesannya,** iman menjadi rapuh dan tergugat dengan keindahan dunia (1m). **Oleh itu**, sebagai umat Islam, kita hendaklah memelihara iman dengan sebaiknya supaya mendapat keredhaan Allah SWT. (1m) | [4 isi x 1m =4m]<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Huraian lengkap = 1m<br>Kesimpulan/ olahan menarik = 1m |



1223/1 (PP) © 2021 *Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan*

Scanned with CamScanner

<table>
<tr><th colspan="3">No. Soalan</th><th>Jawapan</th><th>Markah</th></tr>
<tr><td>3</td><td>(a)</td><td>(i)</td><td>Maksud haji dari segi istilah ialah mengunjungi Baitullah al-Haram pada bulan-bulan haji (1m) untuk mengerjakan ibadat tertentu menurut syarat-syaratnya. (1m)</td><td>[2 isi x 1m=2m]</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(ii)</td><td>- Islam<br>- Baligh<br>- Merdeka<br>- Berkemampuan<br><br>Catatan : Berakal tidak diterima.</td><td>[2 isi x 1m=2m]</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iii)</td><td>- Mendapat keizinan suami atau walinya.<br>- Ditemani oleh suami atau mahram atau kumpulan perempuan yang boleh dipercayai.</td><td>[1 isi x2m=2m]</td></tr>
<tr><td></td><td></td><td>(iv)</td><td>KBAT<br><br>Rubrik penskoran
<table>
<tr><td>Menyatakan isi sahaja.</td><td>1m</td></tr>
<tr><td>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas.</td><td>2m</td></tr>
<tr><td>Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi.</td><td>3m</td></tr>
<tr><td>Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat,jelas.relevan dan menarik.</td><td>4m</td></tr>
</table>
Cadangan isi :<br>- Harus sekiranya pinjaman mematuhi syarak<br>- Haram sekiranya menyalahi syarak<br><br>Contoh isi Jawapan<br><br>Hukum melaksanakan ibadah haji melalui pembiayaan atau pinjaman institusi kewangan adalah dibolehkan dan diharuskan.(1m) Namun begitu, pelaksanaan ibadah haji dengan cara ini mestilah mematuhi beberapa syarat seperti pinjaman kewangan yang dilakukan itu tidak mempunyai unsur-unsur riba.(1m) Ini kerana hukum riba telah jelas dinyatakan haram di dalam al-Quran.(1m) Kesimpulannya, kita hendaklah melaksanakan perintah Allah dengan mengikut syariat-Nya supaya ibadat kita diterima oleh Allah SWT.(1m)</td><td>[4 isi x 1m =4m]<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Huraian lengkap = 1m<br>Kesimpulan/ olahan menarik = 1m</td></tr>
<tr><td></td><td>(b)</td><td>(i)</td><td>300 kali tasbih.</td><td>[1 isi x 2m=2m]</td></tr>
</table>



Scanned with CamScanner

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | (ii) | - Mendapat keampunan Allah SWT (1m) kerana mengamalkan sunnah Rasulullah SAW.(1m)<br>- Meraih ganjaran yang besar daripada Allah SWT (1m) kerana banyak bertasbih.(1m)<br>- Memberi ketenangan jiwa (1m) kerana banyak berzikir kepada Allah SWT.(1m) | [2 isi x2m = 4m]<br><br>1 isi = 1m<br>1 huraian = 1m |
| | | (iii) | KBAT<br><br>**Rubrik penskoran**<br><br>Menyatakan isi sahaja. — 1m<br>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas. — 2m<br>Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. — 3m<br>Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat,jelas,relevan dan menarik. — 4m<br><br>**Cadangan isi :**<br>- Mengikhlaskan hati kerana Allah SWT<br>- Sentiasa / istiqamah melakukan solat sunat tasbih<br>- Taat dan patuh kepada perintah Allah SWT dan rasul-Nya.<br><br>**Contoh Jawapan:**<br><br>Dengan mengikhlaskan hati beribadah kerana Allah SWT. (1m) Secara tidak langsung **ia dapat** melahirkan rasa kebergantungan kepada Allah SWT. (1m) **Kesannya**, ia dapat meningkatkan keimanan seseorang itu. (1m) **Kesimpulannya,** kita hendaklah berusaha untuk mendekatkan diri kepada Allah supaya hidup diredhai. (1m) | [4 isi x 1m=4m]<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Huraian lengkap = 1m<br>Kesimpulan/ olahan menarik = 1m |
| 4 | (a) | (i) | Muawiyah bin abi Sufian | [1 isi x 2m=2m] |
| | | (ii) | - Khalifah mengamalkan cara hidup mewah dan boros .<br>- Sikap diskriminasi khalifah terhadap golongan mawali dalam pemilihan jawatan gabenor.<br>- Sikap taasub antara kabilah arab sehingga mencetuskan perpecahan.<br>- Pemberontakan oleh puak Syiah dan Khawarij serta golongan yang tidak berpuashati dengan penubuhan kerajaan Umaiyah.<br>- Sistem lantikan khalifah secara monarki yang menimbulkan perebutan kuasa. | [2 isi x 2m=4m] |



1223/1 (PP) © 2021 *Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan*

Scanned with CamScanner

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | KBAT<br><br>**Rubrik penskoran**<br><br>Menyatakan isi sahaja. — 1m<br>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas. — 2m<br>Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. — 3m<br>Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat.jelas.relevan dan menarik. — 4m<br><br>**Cadangan isi :**<br>- Mengamalkan akhlak mulia.<br>- Menjauhi sifat-sifat mazmumah.<br>- Sentiasa mengamalkan ajaran al-Quran dan hadis.<br><br>**Contoh jawapan :**<br>Dengan sentiasa mengamalkan akhlak mulia dalam kehidupan (1m) **agar** hidup sentiasa dihormati dan dipandang tinggi oleh masyarakat. (1m) **Kesannya** akan mewujudkan masyarakat yang bersatu padu. saling hormat-menghormati dan hidup dalam keadaan harmoni. (1m) **Kesimpulannya,** kita hendaklah sentiasa mengamalkan sifat mahmudah dalam kehidupan bermasyarakat agar negara kita aman damai. (1m) | [4 isi x 1m =4m]<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Huraian lengkap = 1m<br>Kesimpulan/ olahan menarik = 1m |
| | (b) | (i) | - Membuka kota Constantinople pada tahun 857 Hijrah / 1453 Masihi.<br>- Menyatukan empayar di utara Balkan bagi mengelakkan serangan Hungary.<br>- Mewakafkan Hagia Sophia / Aya Sophia sebagai masjid dan membina kompleks al-Fatih. | [2 isi x1m=2m] |
| | | (ii) | - Kita hendaklah memilih pemimpin yang berwibawa (1m) supaya urusan pentadbiran berjalan lancar. (1m)<br>- Kita hendaklah mencontohi kegigihan tokoh Islam (1m) agar imej Islam dipandang tinggi. (1m)<br>- Kita hendaklah sentiasa memperbaiki penerokaan ilmu (1m) agar mampu bersaing di peringkat antarabangsa. (1m) | [2 isi x2m = 4m]<br><br>1 isi = 1m<br>1 huraian = 1m |

[Lihat halaman sebelah

 © 2021 *Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan*



Scanned with CamScanner

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | (c) | (i) | - Menghormati para ulama'.<br>- Berani mempertahankan negara.<br>- Prihatin terhadap kebajikan rakyat. | [2 isi x1m=2m] |
| | | (ii) | - Mengubah sebuah dewan di istana dengan menjadikannya sebuah hospital yang dinamakan al-Bimaristan al-Atiq.<br>- Sebuah gedung ubatan disediakan bagi membolehkan ubat diagihkan mengikut gred yang ditetapkan kepada para pesakit. | [1 isi x2m=2m] |
| 5 | (a) | (i) | Maksud tawaduk ialah sikap kerendahan hati kepada Allah SWT dan sesama manusia. | [1 isi x 2m=2m] |
| | | (ii) | - Baginda tidak sombong dengan kedudukannya sebaiknya menghormati dan menyayangi kanak-kanak.<br>- Baginda bersama-sama membantu isteri melayani keluarga dan menguruskan rumahtangga.<br>- Baginda tidak pernah mencela makanan yang disediakan untuk baginda. | [2 isi x 2m=4m] |
| | | (iii) | KBAT<br><br>**Rubrik penskoran**<br><br>Menyatakan isi sahaja. — 1m<br>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas. — 2m<br>Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. — 3m<br>Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat,jelas,relevan dan menarik. — 4m<br><br>**Cadangan isi :**<br>- Tawaduk dengan ilmu menjadikan seseorang semakin insaf.<br>- Menyedari kehebatan dan kekuasaan Allah SWT. | [4 isi x 1m=4m]<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Huraian lengkap = 1m<br>Kesimpulan/ olahan menarik = 1m |

[Lihat halaman sebelah

1223/1 (PP) © 2021 *Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan*

Scanned with CamScanner

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | | Contoh Jawapan:<br><br>Pada pendapat saya, apabila seseorang itu bersifat tawaduk dengan ilmu pengetahuan akan menjadikan diri mereka semakin insaf dan bertakwa kepada Allah SWT.(1m) **Contohnya** mereka tidak berasa sombong dengan ilmu yang mereka ada(1m) **kerana** mereka yakin bahawa ilmu Allah SWT lagi Maha Luas pengetahuan-Nya.(1m) **Kesimpulannya,** kita hendaklah sentiasa bersifat merendah diri supaya mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat.(1m) | |
| | (b) | (i) | - Memastikan kemudahan asas yang disediakan untuk mereka tidak disalahgunakan.<br>- Menyediakan ruang dan memberikan peluang kepada mereka sesuai dengan keperluan mereka.<br>- Membantu mereka dari segi kewangan dan tenaga. | [1 isi x 2m=2m] |
| | | (ii) | - Menimbulkan rasa dihargai dalam diri orang kurang upaya (1m) kerana mendapat perhatian dan keistimewaan. (1m)<br>- Memupuk sifat kebersamaan terhadap semua golongan masyarakat (1m) agar perpaduan dapat diwujudkan. (1m)<br>- Melahirkan rasa syukur (1m) kerana diberikan fizikal dan mental yang sempurna. (1m)<br>- Memudahkan orang kurang upaya melakukan urusan harian (1m) kerana kemudahan asas mereka telah disediakan. (1m) | [2 isi x2m = 4m]<br><br>1 isi = 1m<br>1 huraian = 1m |



1223/1 (PP) © 2021 *Hak Cipta MPSM Negeri Sembilan*

Scanned with CamScanner

| No. Soalan | | | Jawapan | Markah |
|---|---|---|---|---|
| | | (iii) | KBAT<br><br>**Rubrik penskoran**<br><br>Menyatakan isi sahaja. — 1m<br>Menjelaskan isi beserta huraian ringkas. — 2m<br>Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. — 3m<br>Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat,jelas,relevan dan menarik. — 4m<br><br>**Cadangan isi :**<br>- Tidak harus disisihkan /dipulaukan.<br>- Perlu diberi layanan yang baik.<br>- Perlu sentiasa berbaik sangka dengan pesakit.<br>- Majikan perlu prihatin dengan kebajikan pekerja mereka.<br><br>**Contoh Jawapan:**<br><br>Pada pendapat saya, pesakit covid atau bekas pesakit covid tidak harus disisihkan (1m) **kerana** mereka juga tidak mahu dijangkiti penyakit tersebut. (1m) **Kesan** daripada perbuatan tersebut akan menjadikan mereka lebih tertekan. (1m) **Kesimpulannya,** kita hendaklah memberi layanan yang baik kepada pesakit atau bekas covid supaya mereka terus positif untuk meneruskan kehidupan.(1m) | [4 isi x 1m=4m]<br><br>Isi = 1m<br>Huraian = 1m<br>Huraian lengkap = 1m<br>Kesimpulan/ olahan menarik = 1m |

Rubrik penskoran (detail):

| | |
|---|---|
| Menyatakan isi sahaja. | 1m |
| Menjelaskan isi beserta huraian ringkas. | 2m |
| Menghuraikan isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong isi yang diberi. | 3m |
| Merumus isi beserta huraian lengkap dan ada contoh yang menyokong alasan yang diberi. Olahan jawapan tepat,jelas,relevan dan menarik. | 4m |

**PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT**



Scanned with CamScanner